Kesalahan Saya Masa Cari Tempat Praktikal

Ingat lagi, masa tu dalam ofis kat UMP, University Malaysia Pahang lah ni.

Biasa lah, masa tu semua student agak kelam kabut untuk cari tempat praktikal.

Dan antara ramai ramai tu, saya lah orangnnya.

Staff bahagian HR ada cakap kat saya,

“ kat ipoh tak ada kilang besar sangat “

Dengan hati yang lurus bendul. **Saya percaya bulat bulat.**

Dan sememangnya punya lah terseksa saya hidup di KL praktikal di sana. Elaun RM 250 sahaja, lagi nak bayar sewa. Duit PTPTN terpaksa guna untuk bayar muka beli motor.

Tiap kali hujung bulan mesti mencari duit syiling. Adui. Tersangat sangat segan dengan kawan kawan.

Bayangkan, saya kena tahan tu 6 bulan.

Dan lepas tamat pengajian, praktikal pun sudah habis. Saya pun sudah balik kampung untuk cari kerja tetap.

Punya le geram, sebab banyak nye kilang besar ada di Ipoh. Kenapa la saya sengal sangat percaya cakap HR.

Untuk mana yang tak tahu, mai saya listkan secara mencanak kat sini.

1. Tasek cement
2. Unisem
3. Carsem
4. Kilang kat IGB

5. Sun Edison (saya dah berjaya dapat pun kerja sini pun, kerja dalam 2 tahun)
6. Bromma

Dan berpuluh puluh lagi ler.

Kenapa lah punya sengal nye teman pergi percaya cakap staff tu.

Dan akibatnya, terjadilah kisah yang saya kelam kabut mencari tempat praktikal kat KL.

Di Jalan Chan Sow Lin, lupa dah nama kilang nya apa.

Tapi elaun dalam RM 300. (rasanya RM 250)

Duk area KL, rumah setinggan. Rasanya bilik kecik karat tu pun RM 250 sebulan. Tikus KL, faham faham ler. Semua besar besar.

Geram punya pasal ni..

Kalau saya nak ceritakan lebih panjang memang ler lagi lama saya habiskan article ni.
Justeru itu, saya akan teruskan kepada apa motifnya saya tulis article ni.

Untuk mana yang akan buat praktikal, sangat penting untuk adek adek cari tempat praktikal daripada kilang yang besar besar atau pun kukuh.

Kelebihannya cuma dua, tapi sangat penting:

1. Katakan tak dapat sambung belajar boleh terus kerja, so tak perlu mengangur
2. Dan kalau company kukuh, insyaAllah elaun pun ok.

Kalau dapat cari yang area dekat rumah lagi baik.

Saya dulu, kat KL tu kilang kecik.

Jauh dari rumah lagi.

Member saya, kerja kilang semikon.

Habis habis study terus sambung kerja situ, maintain gaji RM 2500 start dari habis belajar lagi.

Masa tu kitorang umur dalam 22 tahun.

Sebab kan saya tersilap, tersalah cari tempat praktikal,

masa saya umur 22 tahun – dapat kerja gaji RM 1200, masa tu punya lah bangga

Tapi kerja tak sampai 5 bulan, saya dah kene pecat..hehe

Selepas tu menganggur dekat 1 tahun juga.

Pastu kerja marketing, dalam sebulan ada lah dalam RM 400, entah entah tak sampai kot.

Lepas sebulan marketing (ni kira selepas 1 tahun mengangur tau), saya berhenti kerja operator kilang pula – gaji RM 700

Kerja dalam 3 bulan kot, punya la penat time puasa kerja kilang besi ni. Lepas dalam 3 4 bulan macam tu, bos kesian kot, sebab saya ada diploma, so saya kerja kilang dia tapi yang besar sikit. Basic RM 1200.

Total dengan bos tu dalam 7 bulan kot. Lepas tu, dalam tahun 2012, baru lah saya dapat kerja yang gajinya boleh dikatakan berbaloi dan yang boleh menyimpan, kiranya gaji baru lah first time rasa 2 ribu ke atas. Sebab OT lah ni, baru merasa 2 ribu lebih.
Kalau anda faham elok2, kawan saya yang kerja sebaik sahaja graduate terus kerja, terus dapat gaji 2 ribu lebih masa umu 22. Saya umu dekat 24 baru merasa. Ini baru merasa, belum masuk mengumpul lagi.

Bukan lah sedih, nak menyesal pun tak guna. Bukan nak cerita yang saya ni tak puas hati.

InsyaAllah ada plan si Dia yang rancang saya macam ni. Tapi

memang nampak la jelas kesilapan saya.

Untuk adek adek yang dah tahu sebabkan saya cerita ni, jangan buat macam abang yang encem ni k.

Cari tempat praktikal elok elok.

Kalau ada apa apa nak tanya, mungkin boleh tinggalkan komen, cerita sikit bidang apa dan juga negeri mana, saya boleh buat research sikit kilang apa yang sesuai untuk anda.

Digalakkan untuk bahagian engineering k.

Tapi kalau nursing pun boleh, memandangkan ex ceq jururawat dulu. huhu